

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI (JELUTONG)**

TARIKH : 21 OKTOBER 2019

SOALAN :

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan kriteria yang digunakan oleh Kementerian
Dalam Negeri dalam memberikan status penduduk tetap kepada Dr. Zakir
Naik.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan mempunyai Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pengeluaran MyPR kepada kepada Zakir Abdul Karim Naik atau lebih dikenali umum sebagai Dr. Zakir Naik telah dilaksanakan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh JIM.